



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 70  
Bil. 22

**26hb Oktober 2017**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

AKTA EKSAIS 1976  
(Akta 176)

**No. 3025.**

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)

Dengan ini diberitahu bahawa Lembaga Pelesen (Eksais) bagi Daerah Kerian akan mengadakan persidangannya pada 8.12.2017 hari Jumaat jam 9.30 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian bagi menimbangkan permohonan-permohonan seperti berikut:-

- a) Permohonan memperbaharui Lesen Rumah Awam bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2018 (01.01.2018 — 30.06.2018);
- b) Permohonan memperbaharui Lesen Minuman Keras secara Runcit bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2018 (01.01.2018 — 30.06.2018);
- c) Permohonan memperbaharui Lesen Minuman Keras secara Borong bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2018 (01.01.2018 — 30.06.2018);
- d) Permohonan Baharu Lesen Minuman Keras secara Runcit, Borong, Rumah Awam dan Rumah Bir bagi Tempoh Separuh Tahun Pertama 2018 (01.01.2018 — 30.06.2018).

2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Akta Eksais 1976 — Permohonan untuk Lesen Bagi Menjual Minuman Yang Memabukkan.

3. Semua permohonan lesen baharu hendaklah menyertakan sembilan (9) salinan sijil pendaftaran perniagaan yang sah. Pemohon juga dikehendaki mengiklankan permohonannya di dalam dua (2) Jenis surat khabar berbahasa Melayu dan Inggeris dengan perbelanjaan sendiri serta iklan itu perlu dipamerkan dihadapan pintu perniagaannya dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh iklan.

4. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen baharu hendaklah disampaikan kepada Pengerusi Lembaga Pelesen (Eksais) Daerah Kerian d/a Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengiklanan.

Bertarikh 20 Oktober 2017

[PD.KRN. 04/12/01/02]

HAJI MOHD SABLI BIN BAKRI

*Pengerusi*

*Lembaga Pelesen (Eksais)*

*Daerah Kerian*

LEMBAGA PERUMAHAN DAN  
HARTANAH PERAK 2016  
PERAK HOUSING AND REAL  
PROPERTY BOARD ENACTMENT 2016

**No. 3026.**

PELANTIKAN PEGAWAI PENGUATKUASA  
DI DAN BAGI LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK  
APPOINTMENT OF ENFORCEMENT OFFICER  
IN AND FOR PERAK HOUSING AND REAL PROPERTY BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 54 Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak 2016 [*Enakmen 11*], saya Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir, Pengerusi Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak melantik orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai Pegawai Penguatkuasa di dan bagi Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak mulai 1 Januari 2017.

JADUAL

Pegawai Penguatkuasa:

Yuhanas Auree bin Kamaruddin  
Surendran Nair a/l Chandrum  
Afiqah Izzati binti Mazlan  
Ahmad Sabri bin Osman  
V. Kobinath a/l N. Velayutham  
Mohd Khirun bin Yacob  
Mohamed Firdaus b. Zainuddin  
Zakia Tul Aminah bt Zulkifli  
Mohamad b. Hashim  
Norhasimah bt Mohd Khazini

Nor Diana bt Mohamed Amin  
Amir Hafizuddin bin Abu Hassan  
Muhammad Hairul Izwan b. Ahmad Shaufi  
Shafarin bin Shahrudin  
Nor Shaimi b. Haji Isa  
Shahidon b. Husin  
Mohd Danial bin Mohd Salleh  
Mohd Aidil b Ahmad Termizi

Bertarikh 23 Oktober 2017  
[LPHP 400-1/3/1]

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR  
*Pengerusi,*  
*Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak.*

In exercise of the power by Section 54 Perak Housing and Real Property Board Enactment 2016 [*Enactment 11*], I, Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir, Chairman of Perak Housing and Real Property Board, appoint the persons named in the Schedule as Enforcement Officers in and for Perak Housing and Real Property Board effective from 1 January 2017.

SCHEDULE

Enforcement Officers:

Yuhanas Auree bin Kamaruddin  
Surendran Nair a/l Chandrum  
Afiqah Izzati binti Mazlan  
Ahmad Sabri bin Osman  
V. Kobinath a/l N. Velayutham  
Mohd Khirun bin Yacob  
Mohamed Firdaus b. Zainuddin  
Zakia Tul Aminah bt Zulkifli  
Mohamad b. Hashim  
Norhasimah bt Mohd Khazini  
Nor Diana bt Mohamed Amin  
Amir Hafizuddin bin Abu Hassan  
Muhammad Hairul Izwan b. Ahmad Shaufi  
Shafarin bin Shahrudin  
Nor Shaimi b. Haji Isa  
Shahidon b. Husin  
Mohd Danial bin Mohd Salleh  
Mohd Aidil b Ahmad Termizi

Dated 23 October 2017  
[LPHP 400-1/3/1]

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR  
*Chairman,*  
*Perak Housing and Real Property Board*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 3027.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Selatan Kaya Industries Sdn Bhd yang beralamat di No. 26, Jalan Burung Merak, Taman Sri Kampar, 31900 Kampar, Perak tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Kampar	Lot	2017	1978 - 2016	Denda Lewat 1990 - 2016	Notis 6A	
Paj. Negeri 318831	97034	RM258.00	RM5,734.00	RM299.60	RM20.00	RM6,311.60
		Remisyen RM0.00				
		Jumlah RM258.00				

Bertarikh 25 September 2017  
[PT.KPR(H) 17/12 Jld. 2 SJ 47]

*Pentadbir Tanah  
Kampar*

**No. 3028.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Fang Inn yang beralamat di — tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran-bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Kampar	Lot	2017	1978 - 2016	Denda Lewat 1978 - 2016	Notis 6A	
Geran						
124747	73774	RM199.00	RM4,793.80	RM249.70	RM20.00	RM5,242.50
		Remisyen RM20.00				
		Jumlah RM179.00				

## TAMBAHAN

Kepada The Chartered Bank yang beralamat di No. 22, Jalan Basar, Teluk Intan. Pemegang Gadai/Pemegang Pajak/Pemegang Pajak Kecil/Penyewa/Pemegang Lien/Pengkaveat/Pemegang Isemen.

Sekiranya tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuanpunya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan yang atasnya tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkin daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan dengannya maka tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah Daerah dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah Seksyen itu untuk mendakwa tuannya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98, Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut—

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil ataupun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuannya tanah itu kepada sesiapa yang daripadanya tanah itu dipegang;
- (c) seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

Bertarikh 25 September 2017  
[PT.KPR(H) 17/12 Jld. 2 SJ 63]

*Pentadbir Tanah  
Kampar*

**No. 3029.**

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Tenaga-Max Sdn. Bhd. yang beralamat di Level 6, Menara City One, No. 3, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur tuannya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik (1)	No. Lot/P.T. (2)	Hasil tahun ini (3)	Hutang dari tahun-tahun yang lepas (4)	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil (5)	Bayaran- bayaran terhutang (6)	Jumlah kena dibayar (7)
Asam Kumbang	Lot	2017	2013 - 2016	Denda Lewat 2013 - 2017	Notis 6A	
P.N. 142849	18909	RM1,811.00	RM6,749.00	RM436.20	RM20.00	RM9,016.20

Bertarikh 4 Ogos 2017  
[PTLM. 146/3/2015/01-43]

DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah*  
*Daerah Larut, Matang dan Selama*

**No. 3030.**

(Seksyen 97 dan 98)

## NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Syarikat Loong Serangkai Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 15, Lorong 8, Kota West, 34000 Taiping, Perak tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisytiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

## JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik (1)	No. Lot/P.T. (2)	Hasil tahun ini (3)	Hutang dari tahun-tahun yang lepas (4)	Bayaran yang dikenakan sebagai hasil (5)	Bayaran- bayaran terhutang (6)	Jumlah kena dibayar (7)
Kamunting	Lot	2017	2013 - 2016	Denda Lewat 2013 - 2017	Notis 6A	
P.N. 123413	6582	RM6,435.00	RM61,171.80	RM1,548.10	RM20.00	RM69,174.90

Bertarikh 20 September 2017  
[PTLM. 146/6/2016/05-6]

DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah*  
*Daerah Larut dan Matang*

**No. 3031.**

(Seksyen 100)

## PERINTAH PENTADBIR TANAH

Bahawasanya notis tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuanpunya tanah yang dimiliki menurut GRN 53074 (Perihal dan No. Hakmilik) No. Lot 39 Mukim Pekan Terung Daerah Larut dan Matang pada 9.5.2017 dan juga satu catatan mengenai penyerahannya telah dituliskan dalam daftar pada 9.8.2017.

Bahawasanya tuanpunya tanah gagal menyerahkan (membayar) sebanyak RM6,210.80 (Ringgit Enam Ribu Dua Ratus Sepuluh Ringgit dan Lapan Puluh Sen sahaja) seperti yang dinyatakan dalam notis tersebut pada atau sebelum 8 Ogos 2017.

Oleh itu, saya dengan perintah ini mengisytiharkan tanah tersebut dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh 4 Oktober 2017  
[PTLM. 146/7/2015/74-107]

DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah*  
*Daerah Larut Matang dan Selama*

**No. 3032.**

(Seksyen 130)

## NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

## JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Mukim—Pekan Terung. No. Lot—39. Luas—185.80 meter persegi. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 53074.

Bertarikh 4 Oktober 2017  
[PTLM. 146/7/2015/74-107]

DATO' HJ. KAMARUDDIN BIN AWANG  
*Pentadbir Tanah*  
*Daerah Larut Matang dan Selama*



**No. 3033.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU BAGI GANTIKANNYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan dokumen hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:-

Permohonan ini dibuat oleh kerana Dokumen Hakmilik Keluaran yang tersebut di bawah telah hilang.

JADUAL

Mukim—Teluk Baru. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 201. No. Lot—5298. Keluasan Tanah—1042 meter persegi. Nama Tuan Punya Berdaftar—Norozina binti Yahya 1/1 bhg.

Bertarikh 29 September 2017  
[PTBD. 7/01/17-PTBD. 7/32]

FADHLI BIN RAMLI  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Bagan Datuk*

**No. 3034.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU BAGI GANTIKANNYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:-

Surat Hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

JADUAL

Mukim—Hulu Ijok. No. Geran—P.M. 1461, P.M. 1462 dan P.M. 1463. No. Lot—4784, 4786 dan 3612. Luas—2.2139 hektar, 0.6346 hektar dan 1059.2241 meter persegi. Nama-nama Tuan Tanah—Hasnah binti Mahmud. No. Fail PTS—(C-1) 14/2017.

Bertarikh 6 Oktober 2017  
[PTS.B/22/2010]

*b.p. Pentadbir Tanah  
Selama*

**No. 3035.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU BAGI GANTIKANNYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:-

Surat Hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang oleh Zolkipli bin Roslim No. K.P. 571029-01-5003 yang beralamat di No. 54, Taman Desa Bayu, 32040 Seri Manjung, Perak.

## JADUAL

Mukim—Beras. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3657. No. Lot—8429.  
Luas—0.7891 hektar. Nama Tuan Tanah—Zolkipli bin Roslim 1/1 bhg.

Bertarikh 6 Oktober 2017  
[P.T.Mjg. 500/03/01-110]

MOHAMED KHAIRULAZIM BIN MOHAMED  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Manjung*

**No. 3036.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU BAGI GANTIKANNYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik kepada tanah yang diterangkan dalam Jadual di bawah atas sebab-sebab yang berikut:-

Hakmilik keluaran telah diakui hilang dalam simpanan pemilik berdaftar.

## JADUAL

Mukim—Kerunai. Keterangan dan No. Hakmilik—P.M. 335. No. Lot—3307.  
Luas—1.14 hektar.

Bertarikh 12 Oktober 2017  
[PT.Gk. 361/1/035/2017]

SHAHRUDDIN BIN HASHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Hulu Perak*

**No. 3037.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK  
MENGELUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN  
YANG DIKELUARKAN YANG BARU BAGI GANTIKANNYA)

Dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan diberi bahawa dicadangkan untuk mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik kepada tanah yang diterangkan dalam Jadual di bawah atas sebab-sebab yang berikut:-

Hakmilik keluaran telah diakui hilang dalam simpanan pemilik berdaftar.

## JADUAL

Mukim—Gerik. Keterangan dan No. Hakmilik—P.M. 4648. No. Lot—12043. Luas—1.364 hektar.

Bertarikh 12 Oktober 2017  
[PT.Gk. 361/1/036/2017]

SHAHRUDDIN BIN HASHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Hulu Perak*

**No. 3038.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Idrus bin Mohamed Sani yang beralamat di No. 195, Lorong Melor, Taman Kamunting Jaya 34600 Kamunting, Perak Darul Ridzuan dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Larut Matang, Taiping pada hari Rabu haribulan 15 November 2017 pukul 10.45 pagi.

Maka, oleh yang demikian menurut Seksyen 26(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—8428. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 4730. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian—Pers. No. 3218/2011.

Bertarikh 6 Oktober 2017  
[PTLM. 369/23/2017/01]

MOHD AZMAN BIN ABD MAJID  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Larut dan Matang*

**No. 3039.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Kamarul Zaman bin Karim dan Fazilah binti Maidun yang beralamat di No. 7, Lorong Semarak 12, Taman Semarak 2, 34000 Taiping, Perak Darul Ridzuan dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Larut Matang, Taiping pada hari Rabu haribulan 15 November 2017 pukul 11.45 pagi.

Maka, oleh yang demikian menurut Seksyen 26(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Tupai. No. PT—5198. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1481. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 578/2005.

Bertarikh 10 Oktober 2017  
[PTLM. 369/22/2017/12]

MOHD AZMAN BIN ABD MAJID  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Larut dan Matang*

**No. 3040.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ku Hazmie bin Ku Baharom No. K.P. 811226-02-5083 yang beralamat di No. 366, Taman Sri Nyior, 06000 Jitra, Kedah dan No. 34, Lorong Lekir Indah 3, Taman Sri Maju (Taman Indah Lekir), 32020 Sitiawan, Perak. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut, di Bilik Penolong Pegawai Daerah (T) I, Pejabat Tanah Manjung, pada hari Rabu 29 November 2017 jam 10.30 pagi.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Lekir. No. Lot—6338 (P.T. 5385). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1919 (H.S.(M) 2004). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 2252/2005.

Bertarikh 9 Oktober 2017  
[P.T.Mjg. 500/9/12-2017]

MOHAMED KHAIRULAZIM BIN MOHAMED  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Manjung*

**No. 3041.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang beralamat Perbendaharaan Malaysia, No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya. Pemegang Gadaian dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut, di Bilik Penolong Pegawai Daerah (T) I, Pejabat Tanah Manjung, pada hari Rabu 29 November 2017 jam 10.30 pagi.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Lekir. No. Lot—6338 (P.T. 5385). Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1919 (H.S.(M) 2004). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 2252/2005.

Bertarikh 9 Oktober 2017  
[P.T.Mjg. 500/9/12-2017]

MOHAMED KHAIRULAZIM BIN MOHAMED  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Manjung*

**No. 3042.**

(Seksyen 261(1)(b))

## PEMBERITAHUAN KEPADA PEMEGANG GADAIAN MENGENAI SIASATAN

Kepada Public Bank Berhad yang beralamat Tingkat 3, No. 7-13, Jalan Dato' Maharajalela, 30250 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan, sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan kepada saya, di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965, untuk mendapatkan satu Perintah Jualan.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan tuan/puan tersebut akan diadakan pada 9 haribulan November 2017, Khamis pukul 11.15 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan permohonan tuan/puan dibatalkan dengan kos.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—355430 (P.T. 355430). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 22657 (H.S.(M) 11299). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1719/2005.

Bertarikh 16 Oktober 2017  
[PTK(I) 700/7/2017-42]  
Siasatan 1

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI  
*b.p. Pentadbir Tanah Kinta  
Ipoh*

**No. 3043.**

(Seksyen 261(1)(c))

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR SIASATAN

Pejabat Tanah Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

No. Rujukan: PTK(1) 700/7/2017-42

## DI ANTARA

PUBLIC BANK BERHAD

Pemegang Gadaian

## DAN

i) HABERAME A/P ARUMUGAM

Penggadai

ii) ILANGKUMERAN A/L ARUMUGAM

iii) ARUMUGAM A/L VEERAN

Kepada Haberame a/p Arumugam, Ilangkumeran a/l Arumugam dan Arumugam a/l Veeran yang beralamat di P.T. 161223, Dataran Buntong Jaya 4, RPT Buntong 5, 30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Ambil perhatian bahawasanya tuan/puan, sebagai pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 9 haribulan November 2017, Khamis pukul 11.15 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil Ipoh, Lorong Pasar, Gugusan Manjoi, 30020 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan akan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—355430 (P.T. 355430). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 22657 (H.S.(M) 11299). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers.: 1719/2005.

Bertarikh 16 Oktober 2017  
[PTK(I) 700/7/2017-42]  
Siasatan 1

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kinta, Ipoh*

**No. 3044.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nor Azmi bin Sidek, Pentadbir Tanah Batang Padang, Tapah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 12 Disember 2017 pada 10.00 pagi di Pejabat Tanah Batang Padang, Tapah.
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM100,000.00. (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM52,150.25—CIMB Bank Berhad.
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu sahaja)
    - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
    - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
      - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 11 April 2018 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit dibawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah Seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Batang Padang. No. Lot—6619. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 916. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers.: 868/2000. Jld. 124. Folio 5.

Bertarikh 07 September 2017  
[PTBP(D) 9/786]

NOR AZMI BIN SIDEK  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Batang Padang, Tapah*

**No. 3045.**

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamed Khairulazim bin Mohamed, Penolong Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) Bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelong awam, yang akan diadakan pada 15 November 2017 (Rabu) jam 10.30 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah, Daerah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah, 32040 Seri Manjung.
- (b) Bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM495,000.00. (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Sembilan Puluh Lima Ribu Sahaja).
- (c) Luar Simpanan Melayu

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM254,891.40—Public Bank Berhad.



3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu RM49,500.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Sembilan Ribu Lima Ratus sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki men deposit dalam bentuk bank draft atas nama Public Bank Berhad.
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 14.03.2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit dibawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan hak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah Seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sitiawan. No. Lot—69974. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 14978. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers.: 1447/2011.

Bertarikh 20 September 2017  
[P.T.M]jg. 500/9/8-2017]

MOHAMED KHAIRULAZIM BIN MOHAMED  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Manjung.*

**No. 3046.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohamed Khairulazim bin Mohamed, Penolong Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) Bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelong awam, yang akan diadakan pada 10 Januari 2018 (Rabu) jam 10.30 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah, Daerah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah, 32040 Seri Manjung.
  - (b) Bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM125,000.00. (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Dua Puluh Lima Ribu Sahaja).
  - (c) Dalam Simpanan Melayu
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/ pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM117,413.55— Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM12,500.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Lima Ratus sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit dalam bentuk bank draft atas nama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 09.05.2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah Seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Lekir. No. Lot—6310. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1891. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers.: 2288/2005.

Bertarikh 9 Oktober 2017  
[P.T.Mjg. 500/9/11-2017]

MOHAMED KHAIRULAZIM BIN MOHAMED  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Manjung.*

**No. 3047.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Basir bin Abdul Hadi, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) Bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelong awam, yang akan diadakan pada 26 Oktober 2017 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah Ipoh.
  - (b) Bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM50,000.00. (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM20,269.92 sehingga 6.4.2017 RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat dari tarikh 23 Februari 2018 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit dibawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—62795. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2351. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers.: 585/2001.

Bertarikh 16 Oktober 2017  
[PTK(I) 700/7/2015-17]  
Lelongan 1

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Ipoh, Perak*

**No. 3048.**

CAGARAN-CAGARAN UNTUK DEPOSIT DITUNTUT

“Dengan ini dinyatakan bahawa cagaran-cagaran untuk deposit seperti di bawah tidak dituntut daripada Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Kecil, Lenggong 33400 Lenggong, Perak dan akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Maka diberitahu sekiranya tuntutan-tuntutan tersebut tidak dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari kenyaan ini maka wang cagaran tersebut akan dipindahkan ke Hasil Kerajaan mengikut arahan Perbendaharaan 162.”

DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT DIBAWAH  
KOD 72074 RPA GUA BADAK LENGGONG

Bil.	No. Akaun	No. Rumah	Nama	Amaun RM
1	001	044-129-03	Ramli b. Darus	363.00
2	012	065-129-03	Bariah bt. Abdul Samad	363.00
3	015	011-129-03	Azipah bt. Abd. Rahman	363.00
4	018	029-129-03	Mohammad b. Awang	363.00

Bil.	No. Akaun	No. Rumah	Nama	Amaun RM
5	020	089-129-03	Lee Ah Kaw	372.00
6	021	095-129-03	Law Ah Chan	372.00
7	022	107-129-03	Ah Kaw	363.00
8	023	108-129-03	Wong Kok Choy	363.00
9	024	092-129-03	Tan Loi Seng	363.00
10	028	019-129-03	Abdul Aziz b. Ngah	372.00
11	029	063-129-03	Radiah bt. Hussin	363.00
12	035	115-129-03	Kulantaivelu a/l Sankaran Pandithan	372.00
13	039	049-129-03	Baharuddin b. Long Nordin	372.00
14	040	036-129-03	Azudin b. Musa	363.00
15	043	009-129-03	Kamariah bt. Salleh	363.00
16	044	057-129-03	Abdul Halim b. Ismail	363.00
17	048	010-129-03	Samsiah bt. Jaapar	363.00
18	049	012-129-03	Hasnan b. Khairuddin	363.00
19	051	023-129-03	Sulaiman b. Taib	363.00
20	053	109-129-03	Wong Kueh On	372.00
21	054	025-129-03	Omi Kalsom bt. Mohd Shapeei	363.00
22	057	046-129-03	Chik Ri b. Mat Nor @ Ishak	363.00
23	059	008-129-03	Lop b. Md. Piah	363.00
24	060	014-129-03	Mohammad b. Teh	372.00
25	062	004-129-03	Zolkefli b. Haji Mat Arif	363.00
26	065	091-129-03	Ngah Fok Kau	363.00
27	066	090-129-03	Ngah Beng	363.00
28	067	053-129-03	Yahaya b. Yacob	363.00
29	068	060-129-03	Zainuddin b. Mat Rashid	363.00
30	069	068-129-03	Hamidon bt. Hashim	363.00
31	075	111-129-03	Ghandi a/l Sankaran	363.00
32	076	066-129-03	Wan Rafiah bt. Wan Yusoff	363.00
33	077	069-129-03	Wan Aini bt. Wan Yusoff	363.00
34	078	055-129-03	Mohd Radzi b. Zamri	363.00
35	079	016-129-03	Khairuddin b. Jali	363.00
36	080	045-129-03	Mohd. Pahlawi b. Abdul Gany	363.00
37	081	001-129-03	Abdul Jalil b. Japar	372.00
38	084	052-129-03	Ahmad Sabri b. Abdul Gany	363.00
39	085	070-129-03	Abdul Khalil b. Mat Rashid	363.00
40	086	105-129-03	Heng Tham Seng	363.00
41	087	106-129-03	Chuah Teong Chin	363.00
42	090	088-129-03	Aziyah bt. Yahaya	372.00
43	091	120-129-03	Yusof b. Hassin	372.00

Bil.	No. Akaun	No. Rumah	Nama	Amaun RM
44	092	112-129-03	Ng Ah Beng @ Ooi Heng Thong	363.00
45	093	087-129-03	Nordin b. Kamahizat	363.00
46	096	113-129-03	Lau Siew Mooi	363.00
47	098	082-129-03	Zainuddin b. Busu	372.00
48	099	114-129-03	Eng Kon Lam @ Ng Kun Lum	363.00
49	101	055-129-03	Fatimah bt. Long Nordin	363.00
50	102	078-129-03	Salamiah bt. Yahaya	363.00
51	106	073-129-03	Mahtar b. Samsuddin	372.00
52	110	086-129-06	Abdul Aziz b. Taib	363.00
53	111	079-129-03	Md. Yusop b. Mat Saman	363.00
54	112	116-129-03	Ahmad b. Mohd Ali	372.00
55	114	074-129-03	Siti Akim bt. Haji Jambi	363.00
56	115	084-129-03	Mohd. Zulkhafli b. Awang	363.00
57	116	075-129-03	Mohd Ghani b. Johan	363.00
58	118	117-129-03	Mohd. Rosli b. Yahya	363.00
59	119	077-129-03	Ramlah bt. Alwi	363.00
60	120	129-129-03	Abdullah b. Hamid	372.00
61	121	098-129-03	Abdullah b. Lin	363.00
62	122	126-129-03	Norehan bt. Salbidi	363.00
63	123	101-129-03	Yahya b. Ludin	363.00
64	127	118-129-03	Azimah bt. Ayudin	363.00
65	128	128-129-03	Samsudin b. Mat Piah	363.00
66	129	119-129-03	Alauwiyah bt. Lembek	363.00
67	131	123-129-03	Zulkifli b. Mat Isas	363.00
68	132	127-129-03	Mohamad Shafiai b. Jaini	363.00
69	134	124-129-03	Saad b. Kamis	363.00
70	135	154-129-03	Zaiton bt. Shaari	363.00
71	135	154-129-04	Zaiton bt. Shaari	9.00
72	140	122-129-03	Hamidah bt. Iman Lembok	363.00
73	141	148-129-03	Jamaliah bt. Abdul Hamid	363.00
74	144	149-129-03	Ahmad @ Muhd. Zailani b. Hj. Abdullah	363.00
75	145	151-129-03	Azmi b. Saari	363.00
76	147	129-129-04	Mohd Khalid b. Abdullah	372.00
77	151	133-129-03	Mohd Hassan b. Mohd. Abdul Kader	363.00
78	154	144-129-03	Ahmad Zaki b. Lembek	363.00
79	156	134-129-03	Siti Halimah bt. Nafiah	363.00
80	159	141-129-03	Salbiah bt. Abdul Wahab	363.00
81	161	140-129-03	Jamilah bt. Ibrahim	363.00

Bil.	No. Akaun	No. Rumah	Nama	Amaun RM
	Sewa			
82	172	066-129-03	Hazlan bin Hamidan	372.00
83	180	014-129-03	Megat Mohamad Azlin bin Mohamad	372.00
Jumlah				29,928.00

SENARAI PENDEPOSIT HASIL AM  
PEJABAT DAERAH LENGGONG (79501)

Bil.	No. Akaun	Nama	Amaun RM
1	449	Sigma Consortium	10,000.00
2	447	Sharifah binti Abdullah	80.00
		Sharifah binti Abdullah	50.00
3	2/2007	Kamarul Zaman b. Hashim	50.00
Jumlah			10,180.00

Bertarikh 17 Oktober 2017  
[P.D.LG 200/2-4]

FAIZAL NIZAM BIN MD NOR  
*Ketua Penolong Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah  
Daerah Kecil Lenggong  
Negeri Perak*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

